

30/07/2002

`Penumpang' cemar imej kakitangan dedikasi

PUTRAJAYA, Isnin - Sistem Saraan Malaysia (SSM) akan menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) mulai 1 November ini, dengan memberi lebih banyak faedah, terutama bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan serta peluang pengembangan kerjaya kepada kira-kira 950,000 kakitangan awam di seluruh negara.

SSM akan memperkenalkan kaedah dan unsur penilaian tahap kecekapan melalui peperiksaan atau kursus yang diwajibkan kepada semua kakitangan awam bagi menentukan kemajuan kerjaya dan kemajuan gaji tahunan, selain laporan penilaian prestasi tahunan serta perakuan ketua jabatan.

Serentak itu, dua cara pergerakan gaji diperkenalkan iaitu Pergerakan Gaji Biasa dan Anjakan Gaji. Bagi tahun depan, semua anggota perkhidmatan awam hanya akan diberi Pergerakan Gaji Biasa. Anjakan Gaji berdasarkan Penilaian Tahap Kecekapan yang dihasilkan pada 2003, akan dilaksanakan mulai 2004.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkannya hari ini berkata, perkara utama yang diambil kira dalam SSM ialah perasaan tidak puas hati dengan SSB berpunca kepada penilaian pekerja kakitangan oleh ketua jabatan.

"Kini ketua jabatan tidak ada hak mutlak perseorangan, sebaliknya penilaian tahap kecekapan dibuat melalui peperiksaan dan kursus yang diwajibkan," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan wakil Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di sini.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman; Ketua Pengarah JPA, Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Samsudin Hitam dan Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam,

SSB diperkenalkan pada 1992 bagi menggantikan skim perkhidmatan di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet sejak 1976. Bagaimanapun, majoriti kakitangan awam tidak berpuas hati terutama dengan Sistem Gaji Matriks SSB itu.

Mereka menyifatkan sistem itu sebagai tidak telus serta terdedah kepada pilih kasih dan tidak adil selain penetapan kuota hanya lima peratus daripada kakitangan awam mendapat gaji menegak dan melintang setiap tahun.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kakitangan awam diberi opsyen sama ada mahu kekal dalam SSB atau menerima SSM.

"Saya tak fikir ada banyak yang nak kekal dengan SSB pasal skim ini (SSM) lebih baik, (jika tidak) dia tak dapat RM15 tambahan sebulan. Opsyen kita bagi, kalau dah tak ada siapa terima SSB, dengan sendirinya dimansuhkan," katanya.

Antara ciri utama lain dalam SSM ialah:

- \* Semua gelaran gred jawatan dan gred gaji sekarang disusun semula mengikut susunan angka numerik meningkat daripada 1 hingga 54;

- \* Sesuai dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan, Jadual Gaji Matriks bagi semua gred kenaikan pangkat diubah suai kepada dua peringkat saja;

- \* Ditambah satu mata gaji kepada mata gaji maksimum bagi semua jadual gaji;

- \* Ka